TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKDW

JUN 2026

TARIKH/MASA:

4 JUN 2026 (KHAMIS)

08:00 PAGI

TEMPAT:

DEWAN SERI LESTARI ARAS B1, KKDW PUTRAJAYA

MUKADIMAH

Saudara dan saudari sekalian,

1. Dunia hari ini berubah dengan begitu pantas. Cabaran yang datang tidak lagi hadir secara berasingan. Ia datang dalam satu pakej yang saling berkait seperti tekanan ekonomi global, gangguan rantaian bekalan, kos sara hidup, perubahan iklim, ketidaktentuan geopolitik dan keresahan sosial yang akhirnya memberi kesan kepada kehidupan rakyat di semua lapisan.

2. Namun begitu.. Alhamdulillah, ekonomi negara terus menunjukkan daya tahan. **Pertumbuhan ekonomi kekal positif dan permintaan domestik terus menyokong kestabilan**. Tapi, sebagai sebuah Kementerian yang dekat dengan denyut nadi rakyat desa, kita mesti bertanya dengan jujur:

   Adakah pertumbuhan ekonomi ini benar-benar diterjemahkan kepada kesejahteraan rakyat di bawah?

   Adakah pembangunan yang kita laksanakan benar-benar mengurangkan beban dan membuka peluang kepada kehidupan mereka?

   Adakah program yang kita jalankan benar-benar meningkatkan pendapatan masyarakat desa?

3. Inilah persoalan-persoalan yang mesti sentiasa hidup dalam fikiran kita. Pembangunan luar bandar tidak boleh lagi dilihat sebagai agenda kebajikan semata-mata. **Pembangunan desa hari ini adalah agenda ketahanan**

nasional. Jika desa lemah, negara akan rapuh. Jika desa ketinggalan, negara akan kehilangan keseimbangan. Tetapi jika desa maju, Malaysia akan memiliki asas yang kukuh untuk menghadapi apa jua cabaran masa hadapan.

4. Justeru, sebagai Kementerian yang memeta hala tuju pembangunan luar bandar - **KKDW mesti bergerak dengan disiplin baharu.** Yang memberi impak besar kepada rakyat, kita percepatkan. Yang menunjukkan keberhasilan tinggi, kita perluaskan. Yang menghadapi masalah pelaksanaan, kita rungkaikan. Dan yang tidak lagi relevan, kita mesti berani tamatkan.

DARIPADA PROJEK KEPADA PERUBAHAN HIDUP

Hadirin sekalian,

5. Dalam apa jua keadaan sekalipun, saya tetap berbangga dengan pencapaian-pencapaian telah kita lakarkan. Banyak projek telah disiapkan. Banyak program telah dilaksanakan. Banyak manfaat telah sampai kepada rakyat. Semua ini adalah hasil kerja keras, komitmen dan kesungguhan warga KKDW di pelbagai peringkat.

6. Namun, **saya mahu kita melihat pencapaian ini dari sudut yang lebih besar.** Kejayaan sebenar bukan hanya apabila projek siap, tetapi apabila kehidupan rakyat berubah. Bukan hanya apabila peruntukan dibelanjakan, tetapi apabila setiap ringgit memberi nilai.

7. Sebagai contoh**, kejayaan kita membina prasarana seperti Jalan Perhubungan Desa sepanjang 1,800 kilometer semasa RMKe-12** tidak boleh dilihat pada jaraknya semata-mata. Yang lebih penting ialah bagaimana jalan itu memudahkan anak-anak ke sekolah, pesakit ke klinik, pekebun kecil membawa hasil ke pasaran, dan usahawan desa mengembangkan perniagaan.

8. Kadang-kadang kita tidak pernah menyangka, hanya dengan membuka satu laluan, kita sebenarnya sedang membuka sinar kehidupan baharu kepada warga desa. Sebab itu, saya selalu berpesan, jangan kita hanya mengejar berapa kilometer jalan yang berjaya disiapkan tetapi **kualiti jalan mesti menjadi keutamaan,** supaya setiap laluan yang dibina benar-benar selamat, tahan lama dan membawa perubahan yang didambakan oleh rakyat.

9. Inilah perubahan pemikiran yang mesti menjadi budaya kerja KKDW. **Kita mesti bergerak daripada budaya *"projek telah dilaksanakan"* kepada budaya *"masalah rakyat telah diselesaikan".*** Daripada sekadar menghitung *output* kepada membuktikan *outcome.* Daripada melaksanakan aktiviti kepada mencipta nilai yang benar-benar dirasai oleh rakyat.

10. Dalam kerangka **Ekonomi Desa Nasional** yang saya sebutkan sebelum ini **- projek dan program KKDW tidak boleh bergerak secara terpisah.** Infrastruktur mesti membuka akses kepada ekonomi. Keusahawanan mesti disambungkan kepada pasaran. Latihan mesti membawa

kepada pekerjaan. Pendidikan mesti membuka mobiliti sosial dan setiap agensi mesti menjadi pemangkin yang menghubungkan potensi desa kepada rantaian nilai yang lebih besar.

MEMBINA NILAI, MEMPERKUKUH MODAL INSAN DESA

Hadirin sekalian,

11. **Agenda Ekonomi Desa Nasional mesti dilihat sebagai satu ekosistem yang menyeluruh.** Desa mempunyai tanah, hasil bumi, komuniti, usahawan, bakat muda, wanita, koperasi, institusi latihan dan jaringan sosial yang kuat. Jika semua kekuatan ini disusun dengan baik, desa bukan sekadar kawasan yang menerima bantuan, **tetapi boleh menjadi pusat penciptaan nilai yang baharu.**

12. Saya melihat usaha seperti yang dilaksanakan oleh **KETENGAH melalui Projek Lembah Makanan,** tanaman nanas komersial, ternakan ayam pedaging dan pembangunan rantaian makanan sebagai contoh pendekatan yang wajar diperluaskan. KESEDAR yang bakal membangunkan 10.53 ekar **kawasan tanaman kopi pertama di Kelantan** yang bertujuan untuk menjadi pengeluar dan pembekal bahan tanaman (anak pokok) kopi di Malaysia. KEDA tidak ketinggalan dengan **membangunkan 100 ekar Projek Ladang Makanan KEDA (KEDA Food Valley) sepanjang RMKe-13.**

13. Kesemua usaha ini bukan sekadar projek pertanian. Ini adalah usaha membina ekonomi setempat, memperkukuh keterjaminan makanan, mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar dan mencipta pendapatan baharu kepada kumpulan sasar.

14. **Begitu juga program keusahawanan desa.** Program seperti Sokongan Pengukuhan Keusahawanan, Program Peningkatan Pendapatan, *Gate to Global* dan aktiviti ekonomi berasaskan komuniti perlu terus diperkukuhkan.

15. Tambahan itu, **ekonomi desa tidak akan berkembang tanpa pembangunan modal insan.** Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya yang berjaya membantu peserta memperoleh pekerjaan membuktikan bahawa latihan yang tepat mampu mengubah arah hidup seseorang. Peningkatan penyertaan pelajar Orang Asli ke institusi pengajian tinggi juga memberi isyarat bahawa apabila peluang dibuka, anak desa mampu melangkah lebih jauh.

16. Kita juga perlu terus berbangga dengan peranan KEMAS sebagai institusi pendidikan awal yang dekat dengan komuniti. **TABIKA, TASKA, Pra-Tahfiz, Smart Classroom dan TABIKA Tunas Istimewa** bukan sekadar program pendidikan.. ia adalah asas membina generasi desa yang berilmu, berakhlak, celik teknologi dan mempunyai keyakinan sejak awal usia.

17. Baru-baru ini, apabila anak-anak TABIKA KEMAS berani menyertai pertandingan robotik di peringkat antarabangsa.. ia membawa mesej yang besar kepada kita semua. Anak desa tidak kurang hebatnya. Yang mereka perlukan ialah ruang, bimbingan dan pendedahan. Jika peluang itu kita berikan, mereka mampu berdiri sama tinggi dengan sesiapa sahaja.

18. *I want everyone to really understand this concept.* **Saya mahu seluruh ekosistem KKDW melihat pembangunan desa dalam satu rantaian yang lengkap.** Infrastruktur membuka akses. Ekonomi mencipta pendapatan. Pendidikan membina manusia. Kemahiran membuka pekerjaan. Keusahawanan memperluaskan pasaran. Dan InsyaAllah apabila semua ini bergerak bersama, barulah desa benar-benar menjadi medan mobiliti sosial dan kekuatan masa depan negara.

SEMAKAN PERTENGAHAN PENGGAL: MENILAI REALITI SECARA JUJUR

Saudara dan saudari sekalian,

19. Hari ini kita dah memasuki pertengahan tahun. **Semakan Pertengahan Penggal** adalah cerminan kepada keberkesanan kita sebagai sebuah Kementerian yang memikul amanah besar kepada rakyat.

20. Kita perlu tahu dengan jelas apa yang telah berjaya, apa yang masih tertangguh, apa yang bergerak perlahan, apa yang bertindih, dan apa yang perlu diperbaiki. Dalam

dunia yang semakin kompleks, **organisasi yang tidak berani menilai dirinya sendiri akan berisiko kehilangan arah, tersasar daripada tujuan asal, dan akhirnya gagal menjawab keperluan sebenar rakyat.**

21. Sebab itu, **saya mahu semakan ini dilaksanakan secara objektif, berasaskan bukti dan berteraskan keberhasilan.** Jangan sekadar bertanya sama ada program telah dilaksanakan. Tanya sama ada program itu masih relevan. Jangan sekadar bertanya sama ada peruntukan telah dibelanjakan. Tanya sama ada peruntukan itu benar-benar memberi kesan.

22. Ada enam perkara yang mesti menjadi disiplin penilaian kita.

- **Pertama,** relevan. Adakah program kita masih menjawab keperluan sebenar rakyat hari ini?
- **Kedua,** keberkesanan. Adakah manfaat benar-benar sampai kepada kumpulan sasar?
- **Ketiga,** kecekapan. Adakah masa, tenaga dan peruntukan digunakan secara optimum?
- **Keempat,** berimpak. Apakah perubahan sebenar yang berlaku kepada kehidupan rakyat desa? Adakah pendapatan meningkat? Adakah peluang pekerjaan bertambah?
- **Kelima,** kemampanan. Adakah manfaat program mampu bertahan selepas bantuan atau projek selesai?
- Dan **keenam,** kesepaduan. Adakah program dan agensi kita saling melengkapi, atau masih bergerak secara silo?

23. **Soal kesepaduan ini sangat penting.** Cabaran rakyat desa tidak datang secara berasingan. Kemiskinan tidak boleh diselesaikan dengan satu bantuan sahaja. Pendapatan tidak boleh ditingkatkan dengan satu program sahaja. Mobiliti sosial tidak boleh dipacu oleh satu agensi sahaja. Ia memerlukan penyelarasan yang rapi, *cross-functional* dan ekosistem yang bekerja sebagai satu pasukan.

24. Justeru, **Semakan Pertengahan Penggal** mesti menjadi titik perubahan. Setiap dapatan mesti diterjemahkan kepada keputusan. Setiap keputusan mesti ada garis masa. Setiap garis masa mesti ada pihak yang bertanggungjawab dan setiap tanggungjawab mesti membawa kepada tindakan yang boleh diukur.

25. Kelemahan terbesar sesebuah organisasi bukan apabila ia mengaku mempunyai masalah. Kelemahan sebenar ialah apabila ia mengetahui masalah tetapi tidak berani bertindak.

DARIPADA BUDAYA PEMATUHAN KEPADA BUDAYA IMPAK

Hadirin sekalian,

26. Akhirnya, semua ini menuntut perubahan budaya kerja. KKDW tidak boleh hanya menjadi organisasi yang patuh kepada proses, tetapi mesti menjadi organisasi yang bertanggungjawab terhadap impak. Proses penting, tatakelola penting, pematuhan penting. Tetapi semua itu

mesti membawa kepada satu tujuan yang lebih besar iaitu menyelesaikan masalah rakyat.

27. Rakyat tidak bertanya berapa banyak mesyuarat yang kita adakan. Rakyat tidak mengukur berapa banyak slaid pembentangan yang kita bentangkan. **Rakyat menilai sama ada perancangan dan tindakan kita dapat mengubah kehidupan mereka.**

28. Sebab itu, kita m**esti bergerak daripada *culture of compliance* kepada *culture of impact*. Daripada *culture of activity* kepada *culture of accountability*.**

29. Inilah disiplin baharu yang saya mahu dalam KKDW. Lebih pantas bertindak. Lebih berani membuat keputusan. Lebih jujur menilai kelemahan dan lebih dekat dengan lapangan untuk menyantuni masalah perdesaan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

30. Akhir kata, marilah kita melangkah ke separuh kedua tahun 2026 dengan jiwa yang lebih besar, disiplin yang lebih kemas dan keberanian yang lebih jelas.

31. Insya-Allah, jika seluruh warga KKDW bergerak sebagai satu pasukan, dengan amanah yang ikhlas, tindakan yang pantas dan hasil yang benar-benar dirasai rakyat, saya

yakin desa Malaysia akan terus hidup, terus kuat dan terus menjadi kekuatan masa depan negara.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.